

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 2, 2019 12:23 PM
To: UUM - All Staff
Subject: Bengkel AACSB Standards: Intellectual Contribution (ICs) Maintenance



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

02 MEI 2019 / 26 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Disediakan oleh Unit Akreditasi AACSB UUM COB

BENGKEL AACSB STANDARDS: INTELLECTUAL CONTRIBUTION (ICs) MAINTENANCE



UUM ONLINE: Setelah mendapat akreditasi *AACSB International* dengan jayanya pada tahun 2016, UUM kini dalam proses *Continuous Improvement Review (CIR)*.

Sehubungan itu, Unit Akreditasi AACSB UUM COB telah menganjurkan bengkel “*AACSB Standards Workshop: Intellectual Contribution (ICs) Maintenance*” untuk mengukuhkan kefahaman penjawat UUM COB tentang amalan terbaik dalam proses jaminan kualiti mengikut standard AACSB dan memastikan sasaran yang dikemukakan oleh *Peer Review Team (PRT)* AACSB pada tahun 2016 dicapai sebelum lawatan PRT seterusnya pada tahun 2021/2022.

Bengkel ini dianjurkan dengan jayanya di EDC Hotel & Resort, UUM sebanyak dua kali iaitu pada 12 Mac 2019 dan 10 April 2019.

Seramai 48 orang peserta termasuk Prof. Madya Dr. Rose Shamsiah Samsudin, Dekan TISSA; Prof. Madya Dr. Nor Hasni Osman, Dekan STML dan Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri Md Hussain, Dekan IBS telah hadir ke bengkel ini yang memberi penekanan kepada *Standards 2, 5, 6 dan 15*.

Berdasarkan cadangan PRT untuk meningkatkan kualiti *Definitions for Faculty Qualifications and Engagement*, ahli bengkel telah berbahas tentang kriteria bagi pengukuhan definisi tersebut.

Pada akhir bengkel, definisi untuk *Scholarly Academic (SA)*, *Practice Academic (PA)* dan *Instructional Practitioner (IP)* telah ditambahbaik manakala definisi untuk *Scholarly Practitioner (SP)* telah dikekalkan.

Selain itu, bengkel ini juga memberi pendedahan tentang bagaimana Sistem Sedona dapat membantu dalam laporan *Intellectual Contributions (ICs)*. Para peserta juga telah berkongsi maklumat tentang aktiviti-aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang berimpak tinggi yang akan membantu dalam laporan *Continuous Improvement Review (CIR)*.

Bengkel ini dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Faudziah Zainal Abidin dengan dibantu oleh Dr. Arpah Abu Bakar, Pengarah Unit Akreditasi AACSB (UUM), ahli *taskforce* AACSB dan Pn. Mardhiah Ismail.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.